3767/2

2 JAM 15 MINIT

ARAHAN:

- 1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Schingga Diberitahu.
- 2. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan anda pada petak yang disediakan.
- 3. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
- 4. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.
- 5. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
- 6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
- 7. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
- 8. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
- 9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

	Untuk Kegu	naan Pemeriksa	
Kod Pemeriks	a:		
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
	1	20	
A	2	20	
	3	20	
	4	20	
ъ [5	20	
В	6	20	
	7	20	
	Jumlah		

NO. KAD PENGENALAN			-	•		
ANGKA GILIRAN						
NAMA :	 	 		 		
TINGKATAN:	 	 		 		

Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 halaman bercetak.





Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan di bahagian ini.

1 ((a)	Perbualan berikut antara Puan Alinah dan anaknya di sebuah pasar raya.
		Siti: Wah, cantiknya kasut sukan dengan beg sekolah di sini! Mak, Siti nak be

kasut sukan dengan beg sekolah lah.

Ibu: Tak bolehlah Siti. Mak tak cukup duit. Kalau macam tu, Siti beli kasut sukan jelah. Minggu depan Siti nak sukan.

Mengapakah Puan Alinah bertindak sedemikian?	

•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••	
[:	5 markah]

3767/2

(b) Maklumat berikut berkaitan satu sistem ekonomi.

		 Kerajaan campur tangan dalam penentuan harga Pengguna bebas membuat pilihan barang 	
(i)	Ten	tukan jenis sistem ekonomi tersebut.	
	•••••	***************************************	[1 markah]
(ii)	Bag	aimanakah sistem ekonomi tersebut menentukan perkara berikut?	
	(a)	Jenis barang	
		•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••
		•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••	••••••
		••••••	••••••
		••••••	[2 markah]
	(b)	Kaedah pengeluaran	
		•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••	•••••
		••••••••••••••••••••••••••••••••••••	••••••

[Lihat halaman sebelah

[2 markah]


101	Davilant adalah	namihahan	Immediti diminta	basi saisais	Lamaia T
(c)	Berikut adalah	perubahan	Kuantiti diminta	dagi sejenis	kemeja-1.

Jan	Feb	Mac
100	150	250

(1)	Binakan jadual permintaan kemeja-T.	

	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••	
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••	
	ΓΔ »	arkah]
(ii)	Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan pada halaman 5, lu keluk permintaan kemeja-T.	ıkiskan
	[3 m	arkah]
Mak	klumat berikut berkaitan nilai keanjalan harga satu barang.	
	Nilai keanjalan barang A	
	0.6	
Waja	arkah pengeluar menaikkan harga barang A?	
•••••	***************************************	•••••
	Mal	(ii) Dengan menggunakan kertas graf yang disediakan pada halaman 5, la keluk permintaan kemeja-T. [3 n Maklumat berikut berkaitan nilai keanjalan harga satu barang. Nilai keanjalan barang A

CS CamScanner





(a) Bandingkan keperluan dengan kehendak.	

	•••••
	•••••
[5 mark	cah]

(b) Berikut adalah maklumat berkaitan pendapatan dan potongan bulanan Encik Fahmi.

Pendapatan (RM)		Potongan (RM)	
Gaji pokok	5 000	Potongan cukai bulanan	150
Imbuhan tetap keraian	400	Potongan zakat	120
Bantuan Sara Hidup (COLA)	300	Sya Takaful	50
Elaun Khidmat Awam	400	Pinjaman perumahan	800
Jumlah pendapatan	6 100	Jumlah potongan	1 120
		Gaji bersih	4 980

Encik Fahmi juga membuat perbelanjaan lain yang berikut:

Perbelanjaan	Jumlah
Ansuran kereta	1 000
Makanan	1 500
Persekolahan anak	600
Petrol	600
Bil-bil	700
Sumbangan ibu bapa	300
Perbelanjaan lain	400

(i)	Berikan komen anda berkaitan cara Encik Fahmi mengurus kewangan keluarganya.
	••••••••••••••••••••••••••••••••••••
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••
	[3 markah]
(ii)	Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Fahmi.
	•••••
	[3 markah] [Lihat halaman sebelah
	i Lihat halaman sebelah

iii)	Sediakan penyata belanjawan peribadi Encik Fahmi untuk bulan berikutnya.

	[5 markah]

(c)	Perbualan berikut antara dua orang sahabat.	
	Azam : Tahniah Rosham kerana memenangi pertandingan melukis sebanyak RM100.	
	Banyak juga nilai wang yang awak dapat. Rosham: Terima kasih. Tapi saya hanya dapat baucar koperasi sahaja, bukannya wang.	

Anda bersetuju dengan penyataan Rosham.
Jelaskan.

[4 markah]

3 (a) Situasi berikut berkaitan dengan barang kawalan.

Terdapat beberapa aduan daripada pengguna berikutan dengan tindakan sesetengah pengeluar yang menaikkan harga barang kawalan semasa musim Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan mengambil tindakan kepada pengeluar yang berkenaan.

(i)	Jelaskan barang kawalan.

	[2 markah]
(ii)	Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah tersebut?
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••

	[4 markah]

(b)	Terangkan jenis sekatan perdagangan antarabangsa.

	[6 markah]
(c)	Maklumat berikut berkaitan Kadar Pertukaran Asing (KPA) antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Dolar Amerika Syarikat (USD) dalam dua tempoh.
	April 2020 USD 1 = RM4.29
	April 2022 USD 1 = RM4.21
	Jelaskan kesan perubahan Kadar Pertukaran Asing nilai RM terhadap imbangan dagangan Malaysia bagi tempoh 2020-2022.
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••
	•••••••••••••••••••••••••••••••••••••••
	[3 markah]

3767/2

(d) Jadual I menunjukkan tenaga buruh dan guna tenaga Malaysia dari tahun 2015 hingga tahun 2016.

Butiran / Tahun	Tahun 2015	Tahun 2016
Tenaga buruh ('000)	14 518.0	14 667.8
Guna tenaga ('000)	14 067.7	14 163.7

Jadual 1

(i)	Berdasarkan Jadual 1, hitung kadar pengangguran bagi tahun 2016.

	[2 markah]
(ii)	Beri rumusan berdasarkan jawapan di 3(d)(i).
	••••••
	•••••
	••••••
	••••••
	[3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab dun soalan sahaja di bahagian ini.

4 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pendapatan.

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) - Kerajaan bersetuju meneruskan beberapa bantuan yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2023 sebelum ini dengan penambahan baik dari segi jumlah serta dipercepatkan tempoh pembayarannya. Perdana Menteri berkata ia termasuk Bantuan Tunai Rakyat yang akan diteruskan dengan pembayaran Fasa 1 mula disalurkan pada Januari 2023 berbanding Mac sebelum ini. Bayaran ini akan memanfaatkan hampir 9 juta rakyat.

Sumber diubah suai: https://www.mof.gov.my/portal, 22 Disember 2022

(a) Jelaskan jenis pendapatan yang diterima oleh 9 juta rakyat tersebut.

[6 markah]

- (b) Mengapakah kerajaan mengutamakan perbelanjaan tersebut berbanding dengan perbelanjaan pembangunan? [5 markah]
- (c) Bagaimanakah penerima bantuan menggunakan wang tersebut untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara? [9 markah]
- 5 Maklumat berikut adalah situasi berkaitan pasaran telur ayam.

Kekurangan bekalan telur ayam semakin meruncing

Orang ramai mengeluh sering tidak dapat membeli telur ayam berikutan peniaga mendakwa kehabisan stok kerana jumlah dihantar pembekal tidak mencukupi. Hasil tinjauan di beberapa premis perniagaan juga mendapati stok telur semakin berkurangan, malah ada kedai dikatakan terputus bekalan sama sekali. Harga masih seperti biasa, namun susah mendapatkan bekalannya sekarang. Justeru, diharapkan kerajaan dapat mengambil tindakan sewajarnya supaya bekalan telur ayam kembali pulih dengan segera.

Sumber diubah suai: https://www.bharian.com.my, 22 November 2022

(a) Jelaskan kesan situasi tersebut terhadap penawaran telur ayam.

[7 markah]

(b) Mengapakah kerajaan perlu mengambil tindakan yang sewajarnya?

[4 markah]

(c) Setujukah anda dengan langkah kerajaan mengimport telur bagi mengatasi situasi tersebut? [9 markah]

3767/2

6 Maklumat berikut berkaitan maklumat potongan wajib.

KUALA LUMPUR: Bagi meringankan beban kewangan ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), KWSP akan memperkenalkan kemudahan pengeluaran baharu iaitu i-Citra. Perdana Menteri berkata, menerusi i-Citra, seramai 12.6 juta ahli KWSP boleh membuat pengeluaran sehingga RM5 000 dengan kadar bayaran tetap RM1 000 sebulan untuk tempoh lima bulan, tertakluk kepada jumlah simpanan KWSP ahli.

Sumber diubah suai: https://www.hmetro.com.my/utama, 28 Jun 2021

(a) Huraikan jenis potongan wajib tersebut.

[5 markah]

- (b) Jelaskan kesan tindakan kerajaan tersebut terhadap pendapatan masa kini dan masa depan pekerja. [6 markah]
- (c) Cadangkan cara individu menggunakan wang tersebut untuk kesejahteraan hidup mereka.

 [9 markah]
- 7 Jadual berikut menunjukkan situasi berkaitan Ringgit Malaysia (RM) dan Dolar Amerika Syarikat (USD).

KUALA LUMPUR: Ringgit ditutup rendah berbanding Dolar Amerika Syarikat (AS) bagi hari kedua berturut-turut pada Khamis. Ketika ditutup pada Rabu, Ringgit susut kepada RM4.4020 berbanding RM4.3900 bagi satu Dolar AS.

Sumber diubah suai: bharian.com.my, 16 Februari 2023

(a) Jelaskan kepentingan Dolar Amerika Syarikat kepada Malaysia.

[5 markah]

(b) Jelaskan kesan situasi tersebut terhadap imbangan dagangan Malaysia.

[6 markah]

(c) Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia akan mempengaruhi upah benar rakyat Malaysia.
[9 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

3767/2